



LAPORAN TAHUNAN 2020



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK
Strategy Oriented, Productivity, Accountability, Neutrality, Speed

kandungan laporan tahunan

- | | | | |
|-----------|------------------------------------|-----------|------------------------------|
| 2 | Perutusan Pengerusi | 14 | Prestasi Kewangan |
| 4 | Ringkasan Eksekutif | 15 | Prestasi Fungsi-Fungsi Utama |
| 5 | Pengenalan | 16 | • Pengambilan |
| 6 | Mantan Pengerusi SPANS | 21 | • Kenaikan Pangkat |
| 7 | Ahli-Ahli Suruhanjaya & Urus Setia | 23 | • Perkhidmatan |
| 9 | Senarai Perjawatan 2020 | 25 | • Tatatertib |
| 10 | Visi, Misi & Nilai | 26 | • BPKNS |
| 11 | Fungsi-Fungsi SPANS | 29 | Lensa |
| 12 | Perwakilan Kuasa | 50 | Obituari |
| 13 | Senarai Undang-Undang | | |





perutusan pengerusi

Assalamua'laikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2020, selaras dengan peruntukan Artikel 36 (8) Perlembagaan Negeri Sarawak. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan YAB Ketua Menteri Sarawak kerana memberikan kepercayaan kepada kami untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya sepanjang tahun 2020.

Tahun 2020 adalah merupakan tahun yang sangat mencabar dan luar biasa. Tidak hanya di Malaysia malahan seluruh dunia terpaksa berhadapan dengan fenomena pandemik Covid-19. “Sudah jatuh ditimpa tangga” itulah ungkapan yang sesuai bagi menggambarkan situasi yang dihadapi oleh semua negara yang diserang COVID-19. Tidak hanya bergelut dengan masalah penyakit yang terhasil daripada virus tersebut, malahan semua negara terpaksa berdepan dengan melaksanakan pelbagai bentuk sekatan pergerakan sama ada dari dalam mahupun dari luar negara. Gejala ini sekaligus mendatangkan impak terhadap pelbagai sektor ekonomi khususnya sektor pelancongan dan penerbangan yang mengakibatkan kerugian kepada pendapatan negara.

Dalam mendepani cabaran norma baharu kesan daripada pandemik Covid-19, SPANS beroperasi menggunakan kaedah inovatif bagi merangka strategi dalam menambahbaik proses, prosedur dan polisi sedia ada bagi melaksanakan peranan dan fungsinya secara efisien dan efektif.

Jutaan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak terlibat atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2020. Ucapan penghargaan juga kepada Timbalan Pengerusi, Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Urus setia SPANS atas prestasi tinggi sepanjang tahun.

Semoga kerjasama dan komitmen ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.



(Datu Abdul Ghafur bin Shariff)
Pengerusi

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) ini disediakan untuk memenuhi Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak. Menurut Artikel tersebut, Suruhanjaya hendaklah menyediakan satu laporan tahunan mengenai perkhidmatannya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan salinannya diedarkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri.

Laporan Tahunan SPANS ini mengandungi prestasi dan pencapaian fungsi utama SPANS seperti termaktub dalam Artikel 36(1) dan 39(3) Perlembagaan Negeri Sarawak dan perbelanjaan bajet bagi tahun 2020. Selain itu, ianya juga turut memaparkan pencapaian fungsi SPANS yang telah diwakilkan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Ketua-ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang telah berkuat kuasa mulai 17 Januari 2004.

Secara ringkasnya sepanjang tahun 2020, sebanyak 455 jawatan kosong dan 312 jawatan kenaikan pangkat telah diisi. Manakala sebanyak 2133 pengesahan dalam perkhidmatan, 104 perlanjutan tempoh percubaan, 370 pemberian taraf berpencen, 57 pemangkuan dan 120 penanggungan kerja telah diproses. Bagi kes disiplin sebanyak 14 kes telah diputuskan sepanjang tempoh tersebut dan seramai 350 orang pelajar telah ditawarkan Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak.

pengenalan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah ditubuhkan pada 1 November 1961 di bawah *The Sarawak (Public Service Commission) Order in Council, 1961*. Ia berfungsi untuk menasihati Gabenor selaras dengan *Order in Council* tersebut dan apa-apa juga peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa sehingga 15 September 1963.

Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa keanggotaan SPANS adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang dari empat (4) dan tidak lebih dari sembilan (9) orang Ahli. Manakala, pentadbiran dan urusan harian SPANS dilaksanakan oleh **Urus setia** yang diketuai oleh seorang Setiausaha, **SPANS**.

Sejak penubuhan, seramai sembilan (9) orang Mantan Pengerusi telah dilantik sebelum Pengerusi yang sedia ada.

mantan pengerusi SPANS


**Mr. Richard Leslie
Vaughan Wilkes**

(1 November 1961 –
4 Mac 1964)



Mr. F.R.K. Kitto

(5 Mac 1964 –
23 Februari 1967)



**Dato Sri John Nichol
ak. Kassim**

(15 Mac 1967 –
14 Mac 1971)



**Datuk Amar Dominic
A. Dago ak. Randan**

(15 Mac 1971 –
Disember 1973)



**YABhg. Tun Pehin
Sri Abang Haji
Muhamad Salahuddin**

(Januari 1974 –
1 April 1977)



**Datuk Haji Tuah
Johari bin Haji
Bojeng**

(2 April 1977 –
12 September 1983)



**Datuk Wan
Hashim bin Datuk
Tuanku Taha**

(1 November 1983 –
31 Oktober 1989)



**Tan Sri Datuk
Amar Haji
Hamdan Sirat**

(15 Disember 1989 –
14 Jun 2005)



**Datu Haji Hamzah
bin Haji Drahman**

(1 Julai 2005 –
30 Jun 2011)



Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bersama Setiausaha Suruhanjaya (2020)



Duduk (dari kiri):

Dato Hajjah Rabiah binti Johari (Ahli), Dato Romie Sigan Daniel (Timbalan Pengerusi), Dato Abdul Ghafur bin Shariff (Pengerusi), Encik Fathi bin Haji Hambali (Setiausaha) dan Dato Hajjah Jabidah binti Monseri (Ahli)

Berdiri (dari kiri):

Dato Chai Moi Fong (Ahli), Dato Robert Lian Balangalibun (Ahli), Dato Abdillah bin Adam (Ahli), Dato Haji Chaiti bin Bolhassan (Ahli), Dr. Peter ak Songan (Ahli), Encik Liew Jiu Ming (Ahli)

Urus Setia - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2020



Duduk (dari kiri):

Encik Rafi'uddin bin Rasman (Pegawai Tadbir, N41), **Encik Khairul Ridza bin Haji Wahed** (Pegawai Tadbir, N41), **Encik Mohamad Azlan bin Haji Madihi** (Pegawai Tadbir, N48), **Encik Fathi bin Haji Hambali** (Setiausaha, N54), **Cik Siti Rafeah binti Haji Abdul Rahman** (Pegawai Tadbir, N44), **Puan Catherina anak Jackson Blanda** (Pegawai Tadbir, N41), **Cik Julia Ho binti Mohd Jeffri** (Pegawai Tadbir, N41).

Berdiri (dari kiri):

Puan Simbah anak Libu (Penolong Akauntan, W29), **Puan Dayang Maskamala binti Abang Saibi** (Penolong Pegawai Tadbir, N36), **Encik Amrul bin Haji Yusup** (Penolong Pegawai Tadbir, N29), **Puan Ratnawati binti Tuah** (Penolong Pegawai Tadbir N32), **Cik Jesfer Biah anak Uli** (Penolong Pegawai Tadbir, N29)

Senarai Perjawatan SPANS 2020

Jawatan	Gred	Taraf Jawatan	Bil. Jawatan	Penyandang	
Setiausaha	VU7	Tetap	1	Fathi bin Haji Hambali	
Ketua Penolong Setiausaha	N48	Tetap	1	Mohamad Azlan bin Madihi	
Penolong Setiausaha Kanan	N44	Tetap	1	Siti Rafeah binti Haji Abdul Rahman	
Penolong Setiausaha	N41	Tetap	1	Khairul Ridza bin Wahed	
Penolong Setiausaha	N41	JBC	3	1) Catherina anak Jackson Blanda 2) Julia Ho binti Mohd Jeffri 3) Rafi'uddin bin Rasman	
Penolong Pegawai Tadbir	N36	Tetap	1	Dayang Maskamala binti Abang Saibi	
Penolong Pegawai Tadbir	N32	Tetap	1	Ratnawati binti Tuah	
Penolong Pegawai Tadbir	N29	Tetap	1	Amrul bin Haji Yusup	
Penolong Pegawai Tadbir	N29	Kontrak	1	Jesfer Biah anak Uli	
Setiausaha Pejabat	N29	Tetap	1	Favarina binti Bujang	
Penolong Akauntan	W29	Tetap	1	Simbah anak Libu	
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	Tetap	2	1) Abdul Aziz bin Abdul Razak 2) Ali bin Mohamad	
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	Tetap	2	1) Julipah binti Sutiman 2) Zallina binti Seron	
Pembantu Tadbir (P/O)	N19	Tetap	13	1) Abang Nuaimi bin Abang Mani 2) Corina anak Bernard 3) Endu Maureen anak Nicholas Juna 4) Fiona anak Blin 5) Hassanah binti Jainal 6) Maltina Malthar anak Robert Tira 7) Monica anak Sapin	8) Muhammad Akmal bin Ismani 9) Nur Asha binti Osman 10) Nur Shahirah Sajidah binti Mazalan 11) Nyam Siew Ling 12) Rosemaria anak Jeron 13) Roslina binti Muran
Pembantu Tadbir (P/O)	N19	JBC	2	1) Rozita binti Daud 2) Steffanie anak James	
Pembantu Tadbir (P/O)	N19	Kontrak	1	Gradys anak Jimek	
Pemandu Kenderaan	H11	Tetap	2	1) Abdul Halim bin Jarni 2) Welfread Semister anak Hong Ping	
Pemandu Kenderaan	H11	JBC	1	Azlan Adidi bin Jamal	
Pemandu Kenderaan	H11	Kontrak	1	Iskandar bin Muhammad	
Pembantu Awam	H11	Tetap	2	1) Dayang Konon binti Awang Johari 2) Elizabeth Khung	
Pembantu Operasi	N11	Tetap	1	Fuad bin Ismail	
JUMLAH				40	

visi, misi & nilai

misi

Memperkasakan Perkhidmatan Awam
Negeri Melalui Modal Insan Yang Berbakat,
Komited dan Berdisiplin


visi

Sebuah Suruhanjaya
Perkhidmatan
Awam yang diteladani

nilai

Integriti, Baik hati, Profesionalisme,
Sikap Kesegeraan dan semangat
sepunya, Semangat berpasukan,
Berorientasikan hasil

fungsi-fungsi SPANS



Bermula pada 1 Julai 2000, dengan berkuatkuasanya *Local Authority Service Regulations 2000*, SPANS merupakan kuasa melantik, mengesahkan jawatan dalam perkhidmatan, menaikkan pangkat dan mengawal disiplin kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala kelulusan untuk pemberian taraf berpencen adalah bidang kuasa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

SPANS juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (**Artikel 39 (3), Perlembagaan Negeri Sarawak**)

BPKNS

Melalui Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, SPANS telah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak (SUK) dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004. Ianya menggantikan Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 1998.

perwakilan kuasa/ penurunan kuasa 2004:

SUK & KETUA JABATAN

Melantik mana-mana orang di dalam mana-mana jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing bagi **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah) sama ada jawatan tersebut bertaraf tetap dan berpencen, tetap dan tidak berpencen yang dikenali sebagai Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) semenjak 12 April 2007 (Surat Pekeliling Ruj. 19/EO/2466/Jld.24), atau pelantikan secara kontrak atau secara sementara.

Menamatkan pelantikan perkhidmatan mana-mana pegawai yang dilantik seperti yang dinyatakan yang **masih di dalam tempoh percubaan**.

Melanjutkan tempoh percubaan pegawai yang dilantik selama mana perlanjutan tempoh tersebut tidak melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk. L.N.1/96)

Melantik dan menamatkan pelantikan memangku atau menjalankan tugas mana-mana pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing (kecuali jawatan Timbalan Pengarah), sama ada atau tidak menjalankan tugas jawatan hakiki pegawai tersebut, tetapi **tidak melebihi 180 hari bekerja** kecuali setelah mendapat kelulusan SPANS.

SUK

Mengesahkan pelantikan mana-mana jawatan pegawai **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan yang dilantik di bawah Artikel 11 atau yang dilantik di bawah Artikel 36(4), Perlembagaan Negeri Sarawak).

Pertukaran tempat bertugas mana-mana penjawat awam negeri dari satu kementerian atau jabatan ke kementerian atau jabatan yang lain atau sebaliknya, tanpa melibatkan penurunan pangkat.

senarai undang- undang/ peraturan berkaitan

SPANS sebagai pihak berkuasa melantik Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai beberapa rujukan utama yang menjadi punca kuasa dalam melaksanakan peranan dan fungsi-fungsi SPANS.

01

Perlembagaan Malaysia.

02

Perlembagaan Negeri Sarawak.

03

Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.

04

Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996. (SWK. LN. 1/1996).

05

Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan, 2000

06

Pekeliling-Pekeliling/Arahan-Arahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

prestasi kewangan

Perkara	Peruntukan	Perbelanjaan	Baki Peruntukan	% Perbelanjaan
Emolumen	RM4,088,871.00	RM4,044,121.65	RM44,749.35	98.91
Bekalan dan Perkhidmatan	RM2,024,959.90	RM1,527,716.71	RM497,243.19	75.44
Aset	RM7,000.00	RM4,592.50	RM2,407.50	65.61
Geran dan Pembayaran Tetap	RM6,420,295.00	RM6,189,050.00	RM231,245.00	96.40
Jumlah	RM12,541,125.90	RM11,765,480.86	RM775,645.04	93.82





PRESTASI

FUNGSI-FUNGSI UTAMA





pengambilan permohonan & temuduga

326,556
Permohonan

Permohonan Jawatan Kosong

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 326,556 permohonan telah didaftarkan untuk mengisi **455** jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1,078	2,049
9,458	19,996
44,750	109,286
88,871	51,068
144,157	182,399

Gred 41

144,157
Lelaki

1,078

182,399
Perempuan

2,049

326,556
Keseluruhan

5,454

Gred 29

9,458

19,996

37,421

Gred 19

44,750

109,286

188,687

Gred 11

88,871

51,068

167,129

2,543
Calon

Calon Dipanggil Temuduga

Jumlah calon yang berjaya melepasi tapisan dan menghadiri sesi temuduga mengisi jawatan kosong sepanjang tahun **2020** adalah **2,543** orang.

Gred 41

1,588
Lelaki

19

955
Perempuan

12

2,543
Keseluruhan

31

Gred 29

112

158

270

Gred 19

309

601

910

Gred 11

1,148

184

1,332



pengambilan jumlah jawatan kosong

455
Calon

Calon yang Berjaya

Daripada 2,543 calon yang dipanggil temuduga untuk mengisi jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), hanya 455 orang calon telah dipilih.

Gred 41

340
PANS

*

115
PBT

9

455
Keseluruhan

9

Gred 29

*

24

24

Gred 19

143

40

183

Gred 11

197

42

239

* Urusan Pengambilan diturunkuasa kepada SUK & Ketua Jabatan.

**Lantikan
Semula
Selepas
Bersara
(PBT)**

Gred VU2-VU7

0

Gred 54-41

3

Gred 40-27

0

Gred 26-17

6

Gred 16-1

0

Dilantik Semula
Selepas Bersara

Sumber: SPANS

Pengambilan di bawah Arahan Penurunan Kuasa 2004

Melalui Arahan Penurunan Kuasa 2004, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah menurunkan kuasa kepada Ketua Jabatan (termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri dan Setiausaha Tetap Kementerian). untuk melantik penjawat awam di Gred 29 dan 41.

Bagi tahun 2020, sebanyak 61 kekosongan jawatan di gred 29 dan 84 kekosongan jawatan di gred 41 di pelbagai skim perkhidmatan telah diisi.

No	Jabatan	Jawatan	Gred	Jumlah
1	Jabatan Kerja Raya Sarawak	Arkitek	J41	6
		Juruukur Bahan	J41	1
		Jurutera (Mekanikal)	J41	2
		Jurutera (Awam)	J41	25
		Pegawai Tadbir	N41	1
		Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
		Penolong Pegawai Seni Bina	JA29	2
		Penolong Jurutera (Awam)	JA29	27
2	Jabatan Pertanian Sarawak	Pegawai Pertanian	G41	3
		Pegawai Perikanan	G41	1
		Penolong Pegawai Pertanian	G29	1
3	Jabatan Agama Islam Sarawak	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	2
		Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	2
4	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak	Penolong Jurutera	JA29	2
5	Jabatan Muzium Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	1
		Kurator	S41	1
		Penolong Kurator	S29	1
6	Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
7	Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak	Juruukur	J41	1
		Pegawai Tadbir	N41	1
		Penolong Juruukur	JA29	6
8	Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	2
		Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
9	Kementerian Belia Dan Sukan Sarawak	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
10	Kementerian Infrastruktur Dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	1
		Jurutera (Awam)	J41	1
11	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	1
12	Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	2
13	Kementerian Pembangunan Bandar Dan Sumber Asli Sarawak	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
		Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA29	2
14	Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat Dan Pembangunan Wilayah Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	3
		Penolong Pegawai Tadbir	N29	1

No	Jabatan	Jawatan	Gred	Jumlah
15	Kementerian Pendidikan, Sains Dan Penyelidikan Teknologi Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	1
		Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
16	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Terminal Perindustrian Dan Pembangunan Usahawan Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	1
		Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
17	Kementerian Utiliti Sarawak	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
18	Pejabat Daerah Asajaya	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
19	Pejabat Daerah Limbang	Pegawai Tadbir	N41	1
20	Pejabat Daerah Sri Aman	Pegawai Tadbir	N41	1
21	Pejabat Ketua Menteri Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	1
22	Pejabat Residen Bahagian Betong	Pegawai Tadbir	N41	2
23	Pejabat Residen Bahagian Kapit	Pegawai Tadbir	N41	1
24	Pejabat Residen Bahagian Kuching	Pegawai Tadbir	N41	1
25	Pejabat Residen Bahagian Limbang	Pegawai Tadbir	N41	1
26	Pejabat Residen Bahagian Miri	Pegawai Tadbir	N41	2
27	Pejabat Residen Bahagian Mukah	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
28	Pejabat Residen Bahagian Samarahan	Pegawai Tadbir	N41	2
29	Pejabat Residen Bahagian Sarikei	Pegawai Tadbir	N41	1
30	Pejabat Residen Bahagian Serian	Pegawai Tadbir	N41	1
31	Pejabat Residen Bahagian Sibu	Pegawai Tadbir	N41	1
32	Pejabat Residen Bahagian Sri Aman	Pegawai Tadbir	N41	1
33	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	2
34	Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri	Penolong Pegawai Tadbir	N29	2
35	Unit Pentadbiran	Pegawai Tadbir	N41	2
36	Unit Perancang Ekonomi Sarawak	Pegawai Tadbir	N41	2
37	Unit Protokol Dan Pengurusan Acara Negeri	Pegawai Tadbir	N41	1
38	Unit Sumber Manusia Negeri	Pegawai Tadbir	N41	3
		Penolong Pegawai Tadbir	N29	3
39	Unit Audit Dalam	Juruaudit	W41	1
40	Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak	Penolong Pegawai Undang-undang	L29	1
41	Jabatan Mufti Negeri Sarawak	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	1
JUMLAH				145

Sumber : Unit Sumber Manusia Negeri,
Jabatan Ketua Menteri

kenaikan pangkat





Kenaikan Pangkat Secara Hakiki

Bagi tempoh bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020, seramai 348 orang calon telah dipanggil untuk sesi temuduga. Daripada jumlah tersebut seramai 312 kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat oleh Suruhanjaya.

BILANGAN

PANS

PBT





Daripada 312 orang yang telah dinaikkan pangkat sebanyak 9 orang atau 2.9% adalah daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 228 orang atau 73% adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 75 orang atau 27% adalah daripada Kumpulan Pelaksana. Selain itu, daripada jumlah tersebut 79% atau 245 orang adalah daripada PANS manakala seramai 67 orang atau 21% adalah daripada PBT.

kenaikan pangkat



Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

Bagi urusan kenaikan pangkat secara TBK, seramai 310 orang kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat untuk tempoh bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020.




Sumber : Unit Sumber Manusia Negeri,
Jabatan Ketua Menteri

perkhidmatan



354*
orang

Diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, selaras dengan Arahan Penurunan Kuasa, 2004



PANS : Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
PBT : Pihak Berkuasa Tempatan


* Data ini tidak termasuk kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana kelulusan pemberian taraf berpencen menurut Akta Pencen 1980 - PBT (Akta 239) adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

perkhidmatan sambungan



Pemangkuan dan Penanggungan Kerja

Pelantikan memangku dan menanggung kerja yang diluluskan SPANS adalah untuk tempoh melebihi 180 hari sahaja. Bagi tempoh kurang 180 hari, kelulusan adalah di bawah bidang kuasa Ketua Jabatan



tatatertib



Statistik Keputusan Tindakan Tatatertib Oleh Suruhanjaya Bagi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2020

Statistik ini mengandungi bilangan hukuman tatatertib di bawah Kaedah 39, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996 (KKSPA) dan di bawah Peraturan 39, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan, 2000 yang diputuskan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2020 mengikut jenis-jenis kesalahan yang dilakukan.


BIL.	KESALAHAN	HUKUMAN TATATERTIB	KUMPULAN P&P		KUMPULAN PELAKSANA		JUMLAH
			PANS	PBT	PANS	PBT	
1	Ponteng Kerja	Buang Kerja	-	-	1	3	4
		(i) Cela (ii) Tangguh Pergerakan Gaji - 3 bulan	-	-	-	1	1
		Warta di bawah Peraturan 32(3), PPPBT, 2000	-	-	-	1	1
2	Dadah	Buang Kerja	-	-	3	1	4
3	Cuai	(i) Cela (ii) Tangguh Pergerakan Gaji - 3 bulan	-	-	-	1	1
4	Tidak Jujur	Buang Kerja	-	-	1	-	1
5	Jenayah	(i) Cela (ii) Tangguh Pergerakan gaji - 12 bulan	-	-	-	1	1
6	Bankrap	(i) Cela (ii) Tangguh Pergerakan gaji - 12 bulan	-	-	1	-	1
JUMLAH:			-	-	6	8	14



biasiswa pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (BPKNS)


BPKNS merupakan skim bantuan kewangan kepada pelajar Sarawak peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Permohonan boleh dibuat melalui e-Scholarship.

** Pinjaman Pendidikan tertakluk dengan syarat-syarat pembiayaan BPKNS*



350

Pelajar baru yang berjaya menerima BPKNS bagi tahun 2020



66.3%




33.7%

Permohonan 2020 : **793**

Daripada jumlah itu seramai 442 calon pemohon BPKNS telah dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga

PELAJAR BARU PENERIMA BPKNS MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN



Peruntukan:
RM6,567,695.00

Perbelanjaan:
RM6,225,007.88
(94.8%)

Bidang Pengajian Pelajar Baru Penerima BPKNS Sesi 2020

Bil.	Bidang Pengajian	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Jumlah	Peratusan
1.	Ekonomi dan Perniagaan	5	25	30	8.57
2.	Kejuruteraan	41	31	72	20.57
3.	Pengurusan	14	18	32	9.14
4.	Sains	5	59	64	18.29
5.	Undang-Undang	0	3	3	0.86
6.	Sains Sosial & Kemanusiaan	3	39	42	12.00
7.	Seni Bina/Seni Lukis	0	4	4	1.14
8.	Ukur Bahan /Bangunan	13	2	15	4.29
9.	Kewangan & Perakaunan	13	19	32	9.14
10.	Sains komputer & Teknologi Maklumat	5	12	17	4.86
11.	Rekabentuk	0	0	0	0.00
12.	Sastera	0	13	13	3.71
13.	Lain-Lain	6	20	26	7.43
	JUMLAH	105	245	350	100



bayaran balik biasiswa pinjaman



AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Setakat 31 Disember 2020 jumlah bayaran balik yang masih tertunggak adalah seperti maklumat berikut :-

Bil.	Tempoh ABT	Jumlah (RM)	Tindakan Susulan
1.	Hingga satu tahun	19,336.50	Bagi mengurangkan ABT ini, Urus Setia BPKNS telah merancang dan bertindak secara berterusan menghubungi bekas pelajar tajaan menerusi telefon dan menghantar surat peringatan membayar serta notifikasi secara automatik menerusi e-mail dan SMS dalam sistem e-Scholarship pada setiap 28hb.
2.	Lebih dari satu tahun hingga dua tahun	44,525.25	
3.	Lebih dari dua tahun hingga tiga tahun	100,925.78	
4.	Lebih dari tiga tahun	1,523,093.66	
JUMLAH		1,687,881.19	

KUTIPAN BAYARAN BALIK

Bayaran balik pinjaman yang ditetapkan kepada setiap pelajar adalah 25% daripada jumlah tajaan. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah **RM 641,099.67** telah berjaya dikutip. Mod kutipan diterima adalah seperti berikut:-

Jenis Hasil Kutipan	Mod Terimaan					
	Kaunter (RM)	Online (RM)	Manual (RM)	Kiosk (RM)	Electronic Fund Transfer (RM)	Jumlah (RM)
BPKNS (85300)	129,276.51	456,736.81	12,777.50	50.00	42,258.85	641,099.67
*Sarawak Government Student Loan (85200)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	129,276.51	456,736.81	12,777.50	50.00	42,258.85	641,099.67



LENSA 2020

9 Januari
Hotel Riverside Majestic

Majlis Amanat Pengerusi SPANS dan Taklimat Perancangan Aktiviti / Program Tahun 2020



8 Januari

Ikhar Integriti Warga Kerja SPANS



9 Januari

Majlis Penghargaan Pegawai Berpindah



4 Februari
Pejabat SPANS

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina



“Perbezaan pendapat dihormati, kepelbagaian budaya dirai”

20 Februari
JKR Workshop Sibul

Ujian Praktikal Pemandu Kenderaan - 20 Feb


Mulai tahun 2020, SPANS telah bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya, Sarawak dalam mengadakan ujian praktikal pemanduan untuk pengambilan jawatan Pemandu Kenderaan, Gred H11.



20 Mei
Kediaman Demak Laut

Kunjungan Hormat ke atas TYT di-Pertua Negeri Sarawak

Kunjungan hormat yang diketuai oleh Pengerusi Suruhanjaya iaitu YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff ini turut disertai oleh YBhg. Datu Hajjah Jabidah binti Monseri dan Setiausaha SPANS iaitu Encik Fathi bin Haji Hambali.



21 Mei
Pejabat SPANS


Mesyuarat Suruhanjaya Bil.3/2020



Mesyuarat SPANS yang pertama selepas Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dalam suasana norma baharu.

Pejabat SPANS

Pematuhan SOP Covid-19



Dalam usaha membendung penularan COVID-19, SPANS telah mematuhi dan melaksanakan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

14 Julai

Pejabat SPANS

Prosedur Operasi Standard Temuduga Kenaikan Pangkat




- Timbalan Setiausaha
Kerajaan Negeri YBhg.
Datu Ik Pahon

17 Julai

Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia

Kunjungan Hormat ke atas YAB Ketua Menteri Sarawak



Kunjungan hormat yang diketuai oleh Pengerusi Suruhanjaya iaitu YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff ini turut disertai oleh YBhg. Datu Hajjah Jabidah binti Monseri, YBhg. Dato Hajjah Rabiah binti Johari dan Setiausaha SPANS iaitu Encik Fathi bin Haji Hambali.

28 Ogos
Damai Beach Resort

Aktiviti Nature Walk - "Work Life Balance"



Antara aktiviti sampingan yang dianjurkan semasa Program Mesyuarat *General Management Advisory Meeting* (GMAC)



4 Mac – Pulau Pangkor Perak



27 Ogos – Damai Beach Resort

Sesi Fotografi Ahli-Ahli Suruhanjaya Sepanjang Mesyuarat GMAC 2020

Mesyuarat *General
Management Advisory
Committee (GMAC)*



15 Disember – Pullman Waterfront Miri

Pulau Pangkor -Perak

Reaksi Ahli-Ahli Suruhanjaya Semasa Mesyuarat GMAC Bil. 1/2020



Reaksi Urus Setia Suruhanjaya Sepanjang Mesyuarat GMAC 2020



29 September
Hotel Hilton

Majlis Perjumpaan bersama Setiausaha SPANS & Penghargaan APC & Mentor Mentee



2 Oktober
kerjasama dengan
Pustaka Negeri Sarawak



Pewasapan
Bilik Fail

3 Oktober

Kelab Sukan dan
Rekreasi SPANS

Aktiviti *Hiking* di Gunung Serapi



15 Oktober

Lawatan Sambil Belajar ke Repositori Rekod Negeri Sarawak

Lawatan ini adalah salah satu inisiatif SPANS dalam melaksanakan kerjasama dengan Pustaka Negeri Sarawak dalam Pengurusan Rekod Arkib Jabatan.



Sesi Temuduga Kenaikan Pangkat & Pengambilan

Temuduga Kenaikan Pangkat
(Penyerapan Tetap) Pegawai Undang-Undang, L54
bertempat di Hotel Grand Magherita, Kuching



Temuduga Pengambilan
Pelatih Pengawas Hutan bertempat
di Hotel Pullman Waterfront Miri.

Sesi Libat Urus bersama Kementerian/Jabatan /Agensi sepanjang tahun 2020

Sesi Libat Urus Bersama
Jabatan Perbendaharaan Negeri
- 15 September 2020



Perbincangan bersama Unit Sumber Manusia Negeri (USMN) berkaitan persediaan penerbitan
Buku Menegak Kepercayaan - 3.10.2020



Perbincangan Persediaan bagi
melaksanakan Ujian Praktikal
bagi jawatan Pemandu Kenderaan
bersama pihak Jabatan Kerja Raya
(JKR) - 10 Feb.



Sesi Libat Urus Bersama Jabatan
Hutan berkenaan pengambilan
Pelatih Pengawas Hutan
- 30 September 2020



Kunjungan Hormat oleh Setiausaha Majlis Perbandaran Kota Samarahan
ke atas Setiausaha SPANS - 9.10.2020



Perbincangan Persediaan bagi
melaksanakan Ujian Fizikal jawatan
Penguat kuasa bersama pihak
Dewan Bandaraya Kuching Utara
(DBKU) - 10 Feb.



Libat Urus Bersama Jabatan Tanah dan Survei - 18.6.2020
Sesi libat urus tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah
(Pengurusan) Encik Awang Zamhari bin Awang Mahmood yang turut
dihadiri oleh Setiausaha SPANS dan beberapa orang Urus setia SPANS



Sesi Libat Urus Bersama
KKTP - (10 Jun)



17 Disember 2020

Malam Penghargaan SPANS 2020



Obituari

**ALLAHYARHAM TUAN HAJI MOHD.
TAZUDDIN BIN HAJI JUNAIDI**



Allahyarham Tuan Haji Mohd. Tazuddin Bin Haji Junaidi merupakan bekas Penjawat Awam Negeri Sarawak dan pernah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya, telah kembali ke rahmatullah di hari dan bulan yang mulia iaitu pada tarikh 22 Mei 2020 (Jumaat) bersamaan 29 Ramadhan 1441 Hijrah.

Allahyarham yang dilahirkan di Bandar Sarikei pada 20 Jun 1942 telah menghembus nafas terakhir pada usia 77 tahun 11 bulan di kediaman beliau di No. 99, Lot 1057, Jalan Astana, Petra Jaya dan meninggalkan 2 orang balu.

Semasa hayat beliau, Allahyarham telah berkhidmat sebagai penjawat awam selama 30 tahun di pelbagai Jabatan dan Kementerian Negeri dan 16 tahun dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

Kerjaya Allahyarham bermula sebagai Ahli Agronomi di Jabatan Pertanian pada 1 Mac 1967. Sepanjang 14 tahun di Jabatan Pertanian, beliau telah dinaik pangkat sebagai Pegawai Penyelidik Kanan Gred A sehingga menjawat posisi Penolong Pengarah.

Di antara jawatan lain yang pernah dipegang oleh Allahyarham adalah sebagai Setiausaha Tetap di pelbagai Kementerian, Residen Bahagian Kuching dan Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak. Allahyarham akhirnya bersara wajib pada 20.6.1987.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan mereka yang beriman.

*M*endiang Encik Matthias Bakon @ Bakun ak Utom merupakan bekas seorang Penjawat Awam Negeri Sarawak dan mantan Ahli Suruhanjaya, telah meninggal dunia pada 13 September 2020 (Ahad).

Mendiang dilahirkan di Bandar Bintulu pada 12 Julai 1952 telah menghembuskan nafas terakhir pada usia 68 tahun 2 bulan di kediaman beliau di 1180B Lucky Tower, Tanjung Batu, Bintulu. Jenazah beliau di bawa balik ke Rumah Meikle Ding Sekuta untuk dikebumikan. Mendiang meninggalkan seorang balu dan 3 orang anak.

Semasa hayat beliau, Mendiang telah berkhidmat di beberapa jabatan Negeri dan Persekutuan selama 25 tahun dan 12 tahun sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

Kerjaya Mendiang bermula sebagai Guru Pelatih pada tahun 1972 hingga 1973. Mendiang kemudiannya berkhidmat sebagai *Information Officer* (1973 hingga 1975) dan *Civic Development Officer* (1976 hingga 1998) di Pejabat Daerah Bintulu. Setelah Mendiang bersara atas pilihan sendiri pada 01 Januari 1998, Mendiang berkhidmat di Borneo Pulp & Paper Sdn Bhd pada tahun 1998 hingga 2000.

Pengerusi, Ahli SPANS dan staf menzahirkan kesedihan di atas pemergian Mendiang.

Obituari

**MENDIANG ENCIK MATTHIAS BAKON
@ BAKUN AK UTOM**



Obituari

**MENDIANG ENCIK
EDWARD SADAI AK ANJA**



Mendiang Encik Edward Sadai ak Anja merupakan bekas Penjawat Awam Negeri Sarawak dan mantan Ahli Suruhanjaya telah meninggal dunia pada tarikh 16 Oktober 2020 (Jumaat).

Mendiang dilahirkan di Betong pada 28 September 1948, telah menghembuskan nafas terakhir pada 16 Oktober 2020 jam 3.50 petang di usia 72 tahun bertempat Hospital Umum, Kuching. Mendiang telah dikebumikan pada 19 Oktober 2020 di Anglican Cemetery, Jalan Batu Kitang, Kuching. Mendiang meninggalkan seorang balu dan 3 orang anak.

Semasa hayat beliau, Mendiang telah berkhidmat dengan kerajaan Negeri selama 37 tahun dan 8 tahun sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Mendiang mempunyai perwatakan peramah dan senantiasa disenangi oleh keluarga SPANS.

Kerjaya Mendiang bermula sebagai Pegawai Pentadbir Sarawak Kelas III, di Pentadbiran Bahagian Limbang pada tahun 1967 hingga 1969. Mendiang pernah berkhidmat di Pejabat Daerah Sarikei, Roban dan Mukah. Semasa di Song dan Kapit, Mendiang telah dilantik sebagai Pemangku Pegawai Daerah dan Pegawai Pentadbiran (Pembangunan). Selepas itu, Mendiang telah dilantik sebagai Pegawai Daerah di beberapa Pejabat Daerah di Sibu, Betong, Lubok Antu, Kuching dan Sri Aman. Jawatan lain yang pernah dipegang oleh Mendiang adalah Penolong Setiausaha di Kementerian Kerajaan Tempatan, Ketua Penolong Setiausaha, di Kementerian Pembangunan Sosial dan Pegawai Pembangunan Bahagian, Pejabat Residen Kuching. Jawatan terakhir yang dipegang oleh Mendiang adalah Pegawai Daerah Kanowit sebelum bersara wajib pada 28 September 2004 ketika berusia 56 tahun.

Pengerusi, Ahli SPANS dan staf menzahirkan kesedihan di atas pemergian Mendiang.

Sidang Redaksi 2020



Penaung Datu Abdul Ghafur bin Shariff

Penasihat Fathi bin Haji Hambali

Ketua Sidang Redaksi Mohamad Azlan bin Haji Madihi

Ahli-Ahli Siti Rafeah binti Haji Abdul Rahman

Khairul Ridza bin Haji Wahed

Catherina anak Jackson Blanda

Rafi'uddin bin Rasman

Dayang Maskamala binti Abang Saibi

Amrul bin Haji Yusup

Muhammad Akmal bin Ismani

Rozita binti Daud



Sekalung Penghargaan

Suruhanjaya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak terlibat atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2020. Ucapan penghargaan juga kepada semua Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Urus setia SPANS yang terlibat dalam menyediakan Laporan Tahunan 2020 ini.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK
Tingkat 9 & 10, Wisma Satok, Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak